

**JADUAL KUTIPAN LUAR CUKAI TANAH  
BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
ROMPIN TAHUN 2017**

TARIKH	HARI	WAKTU OPERASI	LOKASI / TEMPAT
07.03.2017	SELASA	9.00 PAGI – 12.45 T/HARI	BALAI RAYA MUADZAM SHAH
08.03.2017	RABU	9.00 PAGI – 12.45 T/HARI 2.00 PTG – 4.00 PTG	BALAI RAYA KG. AUR BALAI RAYA BUKIT IBAM
09.03.2017	KHAMIS	9.00 PAGI – 12.45 T/HARI 2.00 PTG – 4.00 PTG	BALAI RAYA KAMPUNG MERIPOH BALAI RAYA KAMPUNG LUBUK BATU
22.03.2017	RABU	9.00 PAGI – 12.45 T/HARI 2.00 PTG – 4.00 PTG	DEWAN JKRR FELDA KERATONG 6 DEWAN JKRR FELDA KERATONG 7
23.03.2017	KHAMIS	9.00 PAGI – 12.45 T/HARI 2.00 PTG – 4.00 PTG	DEWAN JKRR FELDA KERATONG 8 DEWAN JKRR FELDA KERATONG 10
27.03.2017	ISNIN	2.30 PTG – 5.00 PTG	BALAI RAYA KAMPUNG SALANG
28.03.2017	SELASA	9.00 PAGI - 1.00 T/HARI	BALAI RAYA KAMPUNG GENTING
29.03.2017	RABU	2.30 PTG – 5.00 PTG	BALAI RAYA KAMPUNG MUKUT
30.03.2017	KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 T/HARI	BALAI RAYA KAMPUNG JUARA
31.03.2017	JUMAAT	9.00 PAGI - 1.00 T/HARI	BALAI RAYA KAMPUNG TEKEK
24.04.2017	ISNIN	9.00 PAGI - 12.45 T/HARI 2.00 PTG – 4.00 PTG	DEWAN JKRR FELDA SELANCAR 1 DEWAN JKRR FELDA SELANCAR 2
25.04.2017	SELASA	9.00 PAGI - 12.45 T/HARI 2.00 PTG – 4.00 PTG	DEWAN JKRR FELDA KERATONG 1 DEWAN JKRR FELDA KERATONG 2
26.04.2017	RABU	9.00 PAGI - 12.45 T/HARI 2.00 PTG – 4.00 PTG	DEWAN JKRR FELDA KERATONG 3 DEWAN JKRR FELDA KERATONG 4
27.04.2017	KHAMIS	9.00 PAGI - 12.45 T/HARI	DEWAN JKRR FELDA KERATONG 5



فِي سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH ROMPIN**

KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN  
 DAERAH ROMPIN,  
 BLOK A, 26800 KUALA ROMPIN,  
 PAHANG DARUL MAKMUR

TEL : 09-414 5205  
 FAKS : 09-414 6818

EMEL : pdtrompin@pahang.gov.my  
 LAMAN WEB : http://pdtrompin.pahang.gov.my



**CUKAI  
TANAH**  
**SUDAHKAN ANDA  
MEMBAYARNYA???**

JELASKAN SEBELUM / PADA  
**31 MEI SETIAP TAHUN**  
 SEBELUM DENDA LEWAT

**10%**  
**DI KENAKAN**



## CUKAI TANAH BUKAN CUKAI PINTU

Apakah itu cukai tanah ?

Seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965, cukai tanah ditafsirkan sebagai cukai sewa:-

Cukai tanah ialah sejumlah wang tahunan yang dikenakan ke atas tanah yang dimiliki dan perlu dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) iaitu Pejabat Daerah

## SIAPA YANG PERLU MEMBAYAR CUKAI TANAH?

Seksyen 95 Kanun Tanah Negara 1965,

Setiap pemilik tanah berdaftar atau wakil pihaknya bertanggungjawab untuk menjelaskan cukai tanah.

## BILA SEPATUTNYA MEMBAYAR CUKAI TANAH?

Seksyen 94 Kanun Tanah Negara 1965,

Cukai tanah hendaklah dibayarkan pada awal tahun kalendar iaitu 1 Januari sehingga 31 Mei setiap tahun.

Sekiranya tidak dijelaskan pada atau selepas 1 Jun, akan menjadi tunggakan untuk tahun tersebut dan dikenakan denda lewat.

## MENGAPA PERLU MEMBAYAR CUKAI TANAH?

Seksyen 95 Kanun Tanah Negara 1965,

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pemilik tanah atau wakil bagi pihaknya untuk membayar cukai tanah kepada PBN tanpa perlu menunggu pemakluman melalui bil hasilnya.

Pengeluaran bil hasil hanya merupakan suatu inisiatif/usaha PBN untuk memaklumkan kepada pemilik tanah supaya menjalankan tanggungjawab untuk menjelaskan cukai tanah.

Pemilik yang tidak menerima bil cukai tanah daripada PBN pada awal setiap tahun, boleh terus mendapatkan bil tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah yang berhampiran dengan membawa bersama geran tanah atau resit tahun sebelum yang berkaitan untuk semakan

## BAGAIMANA PEMBAYARAN BOLEH DIBUAT

Pembayaran boleh dibuat secara tunai, bank draf, kiriman wang, wang pos di atas nama PENTADBIR TANAH ROMPIN dan dipalangkan Akaun Penerima Sahaja.

## DIMANA PEMBAYARAN BOLEH DIBUAT?

Pembayaran boleh dibuat dimana-mana Pejabat Daerah dan Tanah di dalam Negeri Pahang dan pembayaran online (*Internet Banking*) melalui laman web:-

<http://ptg.pahang.gov.my.my>.

Bank yang terlibat:-

HONG LEONG BANK BERHAD  
MAYBANK BERHAD  
BANK ISLAM BERHAD  
PUBLIC BANK BERHAD  
CIMB BANK

## MAKLUMAT LANJUT

Sila hubungi Pejabat Daerah dan Tanah Rompin untuk sebarang pertanyaan mengenai cukai tanah anda.

Kemaskini rekod anda serta maklumat di Pejabat Daerah dan Tanah Rompin

